

Bil. S 6

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH KANUN PERATURAN JENAYAH MAHKAMAH SYARIAH (PINDAAN), 2019

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran dan permulaan kuat kuasa
2. Pengantian bab 4 dari S 9/2018

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH KANUN PERATURAN JENAYAH MAHKAMAH SYARIAH
(PINDAAN), 2019

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuat kuasa

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Kanun Peraturan Jenayah Mahkamah Syariah (Pindaan), 2019 dan hendaklah mula berjalan kuat kuasanya pada tarikh yang sama dengan Perintah Kanun Peraturan Jenayah Mahkamah Syariah, 2018.

Penggantian bab 4 dari S 9/2018

2. Bab 4 dari Perintah Kanun Peraturan Jenayah Mahkamah Syariah, 2018 adalah dimansuhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut —

“Perbicaraan kesalahan oleh Mahkamah Syariah

4. Semua kesalahan yang ke atasnya Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa hendaklah —

(a) diasasat menurut —

(i) peruntukan-peruntukan Perintah ini; atau

(ii) peruntukan-peruntukan Kanun Peraturan Jenayah (Penggai 7) setakat mana ia tidak bertentangan dengan peruntukan-peruntukan Perintah ini; dan

(b) dibicarakan menurut peruntukan-peruntukan Perintah ini.”.

Diperbuat pada hari ini 26 haribulan Rejab, Tahun Hijrah 1440 bersamaan dengan 2 haribulan April, 2019 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.